

14/02/2001

GPMS syor BBM dibubarkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Barisan Bertindak Melayu (BBM) seharusnya dibubarkan kerana tidak mendapat kepercayaan masyarakat Melayu sendiri serta pucuk kepemimpinan negara.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata kewujudan BBM yang tersimpang jauh daripada landasan perjuangan Melayu, hanya memburukkan lagi keadaan serta menyukarkan usaha menyatukan orang Melayu.

Katanya, sudah banyak tindakan diambil bagi menyatukan orang Melayu dan usaha itu tidak seharusnya dipersiapkan dengan mewujudkan satu badan yang hanya bertindak menghentam kepemimpinan negara.

"Jika tidak lagi mendapat kepercayaan pucuk kepemimpinan negara, mengapa masih mahu meneruskan lagi. Ini hanya akan menyukarkan lagi usaha menyatukan orang Melayu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa orang Melayu yang sebelum ini terbahagi kepada tiga kelompok iaitu Umno, Pas dan Keadilan, kini menjadi empat puak angkara kewujudan BBM.

BBM mencetuskan kontroversi apabila perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini dijadikan pentas untuk menghentam dasar dan kepemimpinan kerajaan secara terbuka.

Selepas dikritik hebat, mesyuarat jawatankuasa BBM pada Sabtu lalu memutuskan tidak akan meminta maaf kepada mana-mana pihak termasuk pemimpin Umno yang kesal dengan perhimpunan itu yang menyimpang daripada matlamat menyatukan orang Melayu.

Suhaimi berkata, BBM harus kembali ke pangkal jalan dan bersama-sama dalam arus perdana perjuangan Melayu.

(END)